# GARIS PANDUAN
# PEMBEKALAN KASUT KEPADA STAF YANG BERKELAYAKAN DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

## 1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan bagi memaklumkan pelaksanaan pembekalan kasut kepada staf yang berkelayakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), dan memastikan staf menerima pembekalan kasut mengikut kaedah yang ditetapkan serta mematuhi peraturan kewangan yang berkuatkuasa.

## 2. LATAR BELAKANG

2.1 Pembekalan kasut di UPSI adalah mengikut prosedur perolehan dan peraturan kewangan semasa yang ditetapkan melalui pekeliling-pekeliling berikut:

i) Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (Kemudahan Pakaian) Versi 1.0 (2024); dan

ii) Pekeliling Perbendaharaan WP 2.3: Peraturan Bekalan Pakaian Seragam Serta Kemudahan Dan Kadar Bekalan Kasut Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam dan pindaannya dari semasa ke semasa.

2.2 Mesyuarat Pengurusan Eksekutif Bil. 29 Tahun 2014 bertarikh 10 Disember 2014 telah meluluskan kaedah tuntutan semula wang yang didahulukan bagi pembelian kasut oleh semua staf yang berkelayakan untuk pembekalan kasut (tidak termasuk staf di Bahagian Keselamatan), tertakluk kepada had seperti berikut:-

| Bil | Jenis Kasut | Kadar maksimum |
|---|---|---|
| 1. | Kasut kulit Formal (Warna Hitam) | **RM150/sepasang** |
| 2. | Kasut/boot keselamatan kulit | **RM250/sepasang** |

**GARIS PANDUAN**
**PEMBEKALAN KASUT KEPADA STAF YANG BERKELAYAKAN**
**DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2.3 Walau bagaimanapun, Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Universiti Bil. 3/2025 yang bersidang pada 17 Februari 2025 telah meluluskan pindaan spesifikasi kasut dan penambahan jenis kasut yang dibenarkan bagi pembekalan kepada staf UPSI yang berkelayakan:-

| Bil | Jenis Kasut | Syarat-syarat khusus | Kadar maksimum | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 1. | Kasut kulit formal | • Bertutup/ Bertali<br>• Bertumit digalakkan<br>• Bahan: Kulit / PVC<br>• Warna: **Hitam** | **RM150/ sepasang** | - |
| 2. | Kasut kulit sukan | • Bertutup/ Bertali<br>• Bahan: Kulit / PVC<br>• Warna: **Hitam** | **RM150/ sepasang** | Khusus untuk jawatan yang berkelayakan di Pusat Kesihatan sahaja. |
| 3. | Kitchen Clog (Jenama: Birkenstock / Black Hammer) | • Outsole diperbuat daripada bahan getah berkualiti<br>• Tapak anti gelincir dengan grip yang kuat<br>• Mempunyai penutup kaki keluli *(Steel Toe cap)*<br>• Warna: **Hitam** | **RM250/ sepasang** | Khusus untuk Penolong Pegawai Penyediaan Makanan sahaja. |

## GARIS PANDUAN
## PEMBEKALAN KASUT KEPADA STAF YANG BERKELAYAKAN DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

| Bil | Jenis Kasut | Syarat-syarat khusus | Kadar maksimum | Catatan |
|---|---|---|---|---|
| 4. | Kasut/boot keselamatan kulit | • Bertutup/Bertali<br>• Tapak anti gelincir dengan grip yang kuat<br>• Mempunyai penutup kaki keluli *(Steel Toe cap)*<br>• Bahan: Kulit / PVC<br>• Warna: **Hitam** | **RM250/ sepasang** | - |
| 5. | Kasut Kulit Kasual (Lelaki) | • Bertutup/Bertali<br>• Bahan: Kulit / PVC<br>• Warna: **Hitam** | **RM250/ sepasang** | Mengikut spesifikasi yang ditetapkan oleh Bahagian Keselamatan.<br><br>Pembekalan kasut secara berpusat kepada staf di Bahagian Keselamatan sahaja. |
| 6. | Kasut Kulit Lelaki (Half Boot) | • Bertutup/Bertali<br>• Bahan: Kulit / PVC<br>• Warna: **Hitam** | **RM250/ sepasang** | |
| 7. | Kasut Kulit Wanita (Half Boot) | • Bertutup/Bertali<br>• Bahan: Kulit / PVC<br>• Warna: **Hitam** | **RM250/ sepasang** | |
| 8. | Kasut Operasi Keselamatan | • Bertutup/Bertali<br>• Tapak anti gelincir dengan grip yang kuat<br>• Bahan: Kulit / PVC<br>• Warna: **Hitam** | **RM250/ sepasang** | |

**GARIS PANDUAN**
**PEMBEKALAN KASUT KEPADA STAF YANG BERKELAYAKAN**
**DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

## 3. KAEDAH PEMBEKALAN KASUT

3.1 Terdapat **dua (2) kaedah** pembekalan kasut yang dilaksanakan di Universiti Pendidikan Sultan Idris kepada staf yang berkelayakan, iaitu:-

### 3.1.1 Kaedah Perolehan Pembekalan Kasut

- Kaedah ini melibatkan prosedur perolehan kasut kepada staf yang berkhidmat di Bahagian Keselamatan sahaja.
- Pembekalan kasut akan dilaksanakan oleh pembekal yang dipilih bagi pembekalan kasut pada tahun semasa.
- Kaedah ini dilaksanakan bagi memastikan keseragaman kasut kepada anggota.

### 3.1.2 Kaedah Tuntutan Semula Wang Yang Didahulukan Bagi Pembelian Kasut.

- Kaedah ini memerlukan staf untuk mendahulukan wang sendiri bagi pembelian kasut, dan membuat tuntutan semula di dalam Sistem Tuntutan Kasut di MyUPSI Portal staf.
- Staf perlu menjalani pemeriksaaan fizikal kasut kasut di Bahagian Sumber Manusia, sebelum tuntutan ini diperakukan untuk pembayaran.
- Kaedah ini dilaksanakan bagi membolehkan staf membeli kasut yang bersesuaian dengan persekitaran pekerjaan, serta mengurangkan birokrasi dalam pembekalan kasut kepada staf.

3.2 Kedua-dua kaedah ini diuruskan oleh Unit Kebajikan Staf di Bahagian Sumber Manusia, dengan bantuan dari Exco Pakaian Seragam bagi jawatan yang berkelayakan.

## 4 KAEDAH TUNTUTAN SEMULA WANG YANG DIDAHULUKAN BAGI PEMBELIAN KASUT

### 4.1 Carta Alir dan Prosedur

- Rujuk **Lampiran 1**

### 4.2 Syarat-syarat Tuntutan

4.2.1 Tuntutan adalah berdasarkan kepada kadar sebenar yang dibayar oleh staf yang menuntut seperti mana resit rasmi asal tertakluk kepada had maksimum yang telah ditetapkan.

4.2.2 Sekiranya kadar sebenar adalah kurang dari had maksimum, staf hanya layak menuntut kadar sebenar. Perbezaan di antara kadar sebenar dan had maksimum bukan hak staf dan tidak boleh dituntut.

4.2.3 Sekiranya kadar sebenar adalah melebihi had maksimum, staf hanya layak menuntut had maksimum sahaja. Perbezaan di antara kadar sebenar dan had maksimum hendaklah ditanggung sendiri oleh staf.

4.2.4 Sebarang tuntutan perlu mengemukakan resit rasmi asal yang bercetak serta ada dinyatakan perincian pembelian kasut semasa membuat tuntutan.

4.2.5 Tuntutan hendaklah dibuat bermula dari 1 Januari sehingga 30 Jun pada tahun semasa. Walau bagaimanapun, tempoh ini boleh dipinda tertakluk kepada makluman dari Bahagian Sumber Manusia dari semasa ke semasa.

4.2.6 Tuntutan palsu yang dikemukakan oleh staf akan ditolak dan dikemukakan ke Bahagian Perundangan bagi tindakan tatatertib.

**GARIS PANDUAN**
**PEMBEKALAN KASUT KEPADA STAF YANG BERKELAYAKAN**
**DI UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

## 5 PEMERIKSAAN FIZIKAL KASUT

5.1 Bermula 1 Januari 2025, semua staf yang berkelayakan untuk membuat tuntutan semula wang yang didahulukan bagi pembelian kasut hendaklah membawa dan menjalani pemeriksaan fizikal kasut tersebut bersama urusetia di Bahagian Sumber Manusia sebelum tuntutan tersebut boleh diperakukan untuk pembayaran.

5.2 **Syarat pemeriksaan fizikal kasut** adalah seperti berikut:-

5.2.1 Staf hendaklah hadir mengikut tarikh yang ditetapkan bagi pemeriksaan fizikal kasut dalam Taqwim Tarikh Pemeriksaan Fizikal Kasut (rujuk Laman Web Bahagian Sumber Manusia UPSI)

5.2.2 Kasut tidak boleh digunakan sebelum menjalani pemeriksaan fizikal di Bahagian Sumber Manusia.

5.2.3 Staf hendaklah membawa item dan dokumen-dokumen berikut semasa pemeriksaan:-

- Kotak Kasut;
- Kasut; dan
- Borang Tuntutan Kasut yang dicetak dalam sistem dan telah ditandatangani oleh Ketua Jabatan.

## 6 KEKERAPAN PEMBEKALAN

Pembekalan kasut ini dibekalkan kepada staf yang berkelayakan **satu (1) kali setiap tahun.**

## 7 SENARAI JAWATAN STAF YANG BERKELAYAKAN UNTUK PEMBEKALAN KASUT

- Rujuk **Lampiran 2**

## 8 PEMAKAIAN

Garis Panduan Pembekalan Kasut kepada Staf Universiti Pendidikan Sultan Idris yang berkelayakan berkuatkuasa serta merta dari tarikh kelulusan.

**LAMPIRAN 1**

# CARTA ALIR

## PROSEDUR TUNTUTAN PEMBELIAN KASUT



**LAMPIRAN 2**

| KELAYAKAN SPESIFIKASI KASUT BAGI STAF YANG BERKELAYAKAN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Bil** | **Jawatan** | **Pusat Tanggungjawab** | **Kelayakan Kasut (Asal)** | | |
| | | | **Jenis** | **Kuantiti** | **Jumlah (RM)** |
| 1 | **Pegawai Tadbir (Sains) N9 / N10 (yang terlibat dengan makmal)** | **Fakulti Sains & Matematik** | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | | | |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM250.00** |
| 2 | **Penolong Pegawai Sains C5/ C6** | **Fakulti Sains & Matematik** | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | Kasut Kulit Formal | 1 | RM150.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM400.00** |
| 3 | **Pembantu Makmal C1/ C2/ C3** | **Fakulti Sains & Matematik** | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | Kasut Kulit Formal | 1 | RM150.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM400.00** |
| 4 | **Jurutera (Awam / Elektrik / Mekanikal ) J9/ J10** | **Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda** | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM250.00** |
| 5 | **Arkitek J9/ J10** | **Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda** | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM250.00** |
| 6 | **Juruukur Bahan J9/ J10** | **Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda** | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM250.00** |
| 7 | **Penolong Jurutera (Awam / Elektrik / Mekanikal / Elektronik / Automatif ) JA5/ JA6/ JA7** | **Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda** | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM250.00** |
| 8 | **Penolong Juruukur Bahan JA5/ JA6/ JA7** | **Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda** | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM250.00** |
| 9 | **Penolong Arkitek Landskap JA5/ JA6/ JA7** | **Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda** | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM250.00** |
| 10 | **Penolong Pegawai Senibina JA5/ JA6/ JA7** | **Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda** | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM250.00** |
| 11 | **Pelukis Pelan ( Kejuteraan Awam ) JA1/ JA2** | **Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda** | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM250.00** |
| 12 | **Penjaga Jentera Elektrik J1/ J2/ J3** | **Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda** | Kasut Kulit Formal | 1 | RM150.00 |
| | | | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM400.00** |

# LAMPIRAN 2

| KELAYAKAN SPESIFIKASI KASUT BAGI STAF YANG BERKELAYAKAN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Bil** | **Jawatan** | **Pusat Tanggungjawab** | **Kelayakan Kasut (Asal)** | | |
| | | | **Jenis** | **Kuantiti** | **Jumlah (RM)** |
| 13 | **Pembantu Kemahiran (Awam / Mekanikal / Elektrikal / Automatif) H1/ H2/ H3** | **Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda** | Kasut Kulit Formal | 1 | RM150.00 |
| | | | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM400.00** |
| 14 | **Jururawat U5/ U6** | **Pusat Kesihatan** | Kasut Kulit Formal | 1 | RM150.00 |
| | | | Kasut Sukan Kulit | 1 | RM150.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM300.00** |
| 15 | **Penolong Pegawai Perubatan U5/ U6** | **Pusat Kesihatan** | Kasut Kulit Formal | 1 | RM150.00 |
| | | | Kasut Sukan Kulit | 1 | RM150.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM300.00** |
| 16 | **Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran U5/ U6** | **Pusat Kesihatan** | Kasut Kulit Formal | 1 | RM150.00 |
| | | | Kasut Sukan Kulit | 1 | RM150.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM300.00** |
| 17 | **Penolong Pegawai Farmasi U5/ U6** | **Pusat Kesihatan** | Kasut Kulit Formal | 2 | RM150.00 |
| | | | | | |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM300.00** |
| 18 | **Juruterapi Pergigian U5/ U6** | **Pusat Kesihatan** | Kasut Kulit Formal | 2 | RM150.00 |
| | | | | | |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM300.00** |
| 19 | **Juruteknologi Makmal Perubatan U5/ U6** | **Pusat Kesihatan** | Kasut Kulit Formal | 2 | RM150.00 |
| | | | | | |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM300.00** |
| 20 | **Pembantu Pembedahan Pergigian U1/ U2** | **Pusat Kesihatan** | Kasut Kulit Formal | 2 | RM150.00 |
| | | | | | |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM300.00** |
| 21 | **Pembantu Perawatan Kesihatan U1** | **Pusat Kesihatan** | Kasut Kulit Formal | 1 | RM150.00 |
| | | | Kasut Sukan Kulit | 1 | RM150.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM300.00** |

## KELAYAKAN SPESIFIKASI KASUT BAGI STAF YANG BERKELAYAKAN

| Bil | Jawatan | Pusat Tanggungjawab | Kelayakan Kasut (Asal) | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | | | Jenis | Kuantiti | Jumlah (RM) |
| 22 | Pembantu Kesihatan Awam U19 (SPKU) | Pusat Kesihatan | Kasut Kulit Formal | 1 | RM150.00 |
| | | | Kasut Sukan Kulit | 1 | RM150.00 |
| | | | | Jumlah Keseluruhan (RM): | RM300.00 |
| 23 | Penolong Pegawai Penyediaan Makanan C5/ C6 | Pusat Penyelidikan Kanak-Kanak Negara (NCDRC) & Fakulti Teknikal Vokasional | Boot Keselamatan / Kitchen Clog - Jenama (Birkenstock / Black Hammer) | 1 | RM250.00 |
| | | | | Jumlah Keseluruhan (RM): | RM250.00 |
| 24 | Penolong Pegawai Pertanian G5/ G6 | Fakulti Teknikal Vokasional | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | Kasut Kulit Formal | 1 | RM150.00 |
| | | | | Jumlah Keseluruhan (RM): | RM400.00 |
| 25 | Penolong Pegawai Latihan Vokasional DV5/ DV6 | Fakulti Teknikal Vokasional | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | Kasut Kulit Formal | 1 | RM150.00 |
| | | | | Jumlah Keseluruhan (RM): | RM400.00 |
| 26 | Pereka B5/ B6 | Fakulti Teknikal Vokasional/ Fakulti Seni, Kelestarian & Industri Kreatif | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | | | |
| | | | | Jumlah Keseluruhan (RM): | RM250.00 |
| 27 | Pereka B1/ B2 | Fakulti Seni, Kelestarian & Industri Kreatif | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | Kasut Kulit Formal | 1 | RM150.00 |
| | | | | Jumlah Keseluruhan (RM): | RM400.00 |
| 28 | Penolong Pegawai Teknologi Maklumat FA5/ FA6/ FA7 | Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | | Jumlah Keseluruhan (RM): | RM250.00 |
| 29 | Juruteknik Komputer FT1/ FT2/ FT3 | Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | | Jumlah Keseluruhan (RM): | RM250.00 |
| 30 | Pembantu Kemahiran H2/ H3 | Pusat Teknologi Maklumat & Komunikasi | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | | Jumlah Keseluruhan (RM): | RM250.00 |
| 31 | Pembantu Khidmat Am H1 (Pemandu Kenderaan) | Bahagian Pengangkutan | Kasut Kulit Formal | 2 | RM150.00 |
| | | | | Jumlah Keseluruhan (RM): | RM300.00 |
| 32 | Pembantu Khidmat Am H1 (Pembantu Operasi) | Semua PTj berkaitan | Kasut Kulit Formal | 2 | RM150.00 |
| | | | | Jumlah Keseluruhan (RM): | RM300.00 |

## LAMPIRAN 2

| KELAYAKAN SPESIFIKASI KASUT BAGI STAF YANG BERKELAYAKAN | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| **Bil** | **Jawatan** | **Pusat Tanggungjawab** | **Kelayakan Kasut (Asal)** | | |
| | | | **Jenis** | **Kuantiti** | **Jumlah (RM)** |
| 33 | **Pembantu Khidmat Am H1 (Pembantu Awam)** | **Jabatan Pengurusan Pembangunan & Harta Benda** | Kasut Kulit Formal | 1 | RM150.00 |
| | | | Boot Keselamatan | 1 | RM250.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM400.00** |
| 34 | *** Penolong Pegawai Keselamatan KP6 (PB - Wanita)<br>* Pembantu Keselamatan KP2 (PB - Wanita)<br>* Pembantu Keselamatan KP1 (PB & Bukan PB - Wanita)** | **Bahagian Keselamatan** | Kasut Kulit Wanita (Half Boot) | 1 | RM250.00 |
| | | | Kasut Operasi | 1 | RM250.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM500.00** |
| 35 | *** Ketua Bahagian Keselamatan N12 (PB - Lelaki)<br>* Penolong Pegawai Keselamatan KP5 (Bukan PB - Lelaki)<br>*Penolong Pegawai Keselamatan KP5 (PB - Lelaki)** | **Bahagian Keselamatan** | Kasut Kulit Lelaki (Kasual) | 1 | RM150.00 |
| | | | Kasut Operasi | 1 | RM250.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM400.00** |
| 36 | **Pembantu Keselamatan KP1 (PB - Lelaki)** | **Bahagian Keselamatan** | Kasut Kulit Lelaki (Half Boot) | 1 | RM150.00 |
| | | | Kasut Operasi | 1 | RM250.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM400.00** |
| 37 | **Pembantu Keselamatan KP1 (Bukan PB - Lelaki)** | **Bahagian Keselamatan** | Kasut Operasi | 1 | RM250.00 |
| | | | Kasut Operasi | 1 | RM250.00 |
| | | | **Jumlah Keseluruhan (RM):** | | **RM500.00** |